



EBOOK INI MENYINGKAP PERINCIAN ELEMEN-ELEMEN BAJA, KETERANGAN BAJA CAMPURAN DAN ORGANIK SERTA TEKNIK DAN TAKTIK PEMBAJAN YANG EFISIEN. SELAMAT MEMBACA

PENGENALAN

Tahniah kerana membeli ebook ini. Sesungguhnya anda merupakan seorang yang amat meminati bidang pertanian dan ingin mendalami ilmu pertanian yang merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan manusia.

Pertanian merupakan satu sektor yang dapat membuahkan hasil yang lumayan, amat di berkati dan boleh di jadikan satu cabang pendapatan yang tiada penghujungnya. “PERTANIAN SATU PERNIAGAAN”

Kebanyakan usahawan pertanian yang baru mahupun yang lama selalunya memulakan pertanian dengan sedikit pengetahuan atau hanya mencedok pengetahuan dari usahawan yang terdahulu tanpa mengetahui secara mendalam atau betul-betul memahami apa yang di lakukan. Dengan cara itu sebenarnya akan merugikan kita untuk jangka panjang apabila segala yang kita lakukan berdasarkan “trial and error” dan ianya melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi. Pegang kepada prinsip “Lakukan sesuatu dengan cara betul pada peringkat permulaan”.

Untuk memulakan sesuatu dengan cara betul pada peringkat permulaan anda perlu mendalami pengetahuan dalam bidang pertanian yang hendak di ceburi.

Ebook ini akan menerangkan secara terperinci berkenaan baja dan fungsi-fungsinya agar anda dapat menikmati hasil yang memuaskan dalam bidang penanaman termasuk tumbuhan lanskap, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Panduan baja ini di olah secara mudah untuk di fahami di sebabkan penyampaiannya di buat atas kajian secara gabungan teori dan praktikal.

APA ITU BAJA?

Apa itu baja? Apabila anda bertanyakan soalan tersebut kepada kebanyakan usahawan tani, anda akan mendapat jawapan berikut: ‘Baja ialah makanan tumbuhan untuk hidup’. Jawapan tersebut adalah SALAH!

Sebenarnya tumbuhan dapat menghasil makanan sendiri!

Cuba perhatikan penerangan di bawah:

Semasa kita belajar di sekolah, kita di ajar oleh guru kita proses fotosintesis. Ingat tak? Kalau lupa, biar saya terangkan.

Proses fotosintesis adalah proses di mana tumbuhan menyerap karbon dioksida dari udara dan digabungkan dengan air yang diserap dari tanah untuk menghasilkan gula sebagai makanan dan oksigen yang di lepaskan balik ke udara. Sila lihat tindakbalas seperti di bawah:

Karbon Dioksida (Udara) + Air =====> Gula (Makanan) + Oksigen

Sebab itulah jawapan anda salah...Sekarang anda sudah faham serba sedikit tentang tumbuhan. Secara asas, pemahaman itu sudah agak mencukupi.

Oleh itu, Apa itu Baja?

Jawapannya...Baja adalah elemen-elemen nutrien yang di perlukan oleh tumbuhan untuk tumbesaran agar tumbuhan dapat menghasilkan produktiviti makanan yang tinggi dan berkualiti.

Elemen-elemen yang diperlukan adalah untuk tumbesaran daun, akar, batang, bunga, daya tahan penyakit dan sebagainya.

Sekiranya elemen-elemen ini tidak mencukupi, tumbuhan tidak akan dapat menghasilkan makanan yang banyak dan berkualiti. Sebab itulah baja amat penting kepada tumbuhan.

ELEMEN-ELEMEN NUTRIEN

Terdapat 18 elemen penting untuk tumbesaran tumbuhan. Elemen-elemen nutrient untuk tumbesaran tumbuhan terbahagi kepada dua bahagian: *Nutrien Makro* dan *Nutrien Mikro*

Nutrien Makro

Nutrien Makro merupakan elemen terpenting dalam tumbesaran tumbuhan dan ia diperlukan dalam kuantiti yang banyak. Elemen-elemen tersebut adalah Karbon (C), Hidrogen (H), Oksigen (O), Nitrogen (N), Fosfat (P), Kalium (K), Magnesium (Mg), Kalsium (Ca) dan Sulfur (S).

Nota: Karbon, hidrogen dan oksigen boleh di dapati di dalam air dan udara.

Nutrien Mikro

Nutrien Mikro merupakan elemen kedua penting dalam tumbesaran tumbuhan. Walaupun kuantiti yang di perlukan hanya sedikit tetapi ia penting untuk tumbesaran tumbuhan. Elemen-elemen tersebut adalah Ferum (Fe), Zink (Zn), Molybdenum (Mo), Natrium (Na), Manganese (Mn), Boron (B), Kuprum (Cu), Kobalt (Co) dan Klorin (Cl).

Sila lihat ringkasan jadual di bawah:

Jenis Nutrien	Elemen	Simbol	Punca
Nutrien Makro	Karbon	C	Udara
	Hidrogen	H	
	Oksigen	O	
	Nitrogen	N	Tanah/ Baja Sebatian/Baja Organik
	Fosfat	P	
	Kalium	K	
	Magnesium	Mg	
	Kalsium	Ca	
Nutrien Mikro	Sulfur	S	Tanah/Baja Sebatian/Baja Organik
	Ferum	Fe	
	Zink	Zn	
	Molybdenum	Mo	
	Natrium	Na	
	Manganese	Mn	
	Boron	B	
	Kuprum	Cu	
	Kobalt	Ko	
	Klorin	Cl	

Setelah anda mengetahui elemen-elemen yang diperlukan oleh tumbuhan untuk tumbesaran, seterusnya kita akan bincangkan secara terperinci fungsi elemen-elemen terpenting yang di perlukan oleh tumbuhan.

Perincian akan di buat terhadap tiga(3) elemen terpenting untuk tumbesaran tumbuhan iaitu Nitrogen (N), Fosfat (P) dan Kalium (K) iaitu elemen terpenting yang diperlukan oleh tumbuhan dan amat mempengaruhi tumbesaran tumbuhan. Walaubagaimanapun elemen-elemen lain masih di perlukan oleh tumbuhan dalam kuantiti yang sedikit untuk menyokong tumbesaran dan bagi mengelak serangan penyakit dan perosak.

NITROGEN (N)

Elemen nitrogen di perlukan oleh tumbuhan untuk pembentukan dan tumbesaran daun. Kita akan dapati daun akan menjadi hijau dan pembentukan daun baru akan muncul setelah kita mengaplikasikan baja berasaskan nitrogen. Dengan mempunyai daun yang sihat, tumbuhan berupaya untuk menghasilkan makanan yang banyak melalui proses fotosintesis yang rancak. Oleh itu, nitrogen adalah elemen yang amat penting bagi tumbuhan. Perlu di ingat nitrogen tidak di perlukan dalam kuantiti yang banyak semua jenis tumbuhan. Tumbuhan jenis berubi (rizom) memerlukan kurang nitrogen dari tumbuhan berdaun lebat. Jagung merupakan tumbuhan yang memerlukan kadar nitrogen yang tinggi. Nitrogen mungkin di perlukan oleh jagung setiap empat(4) minggu. Pokok dan tumbuhan renek mungkin memerlukan nitrogen hanya sekali setahun atau mengikut keperluan.

Elemen nitrogen banyak di dapati dalam urea. Kita selalu mendengar pasal baja urea. Didalam baja urea, kandungan nitrogen adalah paling tinggi iaitu lebih kurang 46 peratus. Tapi awas, penggunaan urea secara berlebihan boleh menyebabkan tumbuhan rosak atau mati.

Sebenarnya penggunaan baja urea bukan penyebab tumbuhan rosak atau mati. Di sini akan di terangkan sebab-sebab utama tumbuhan rosak atau mati.

Sebenarnya nitrogen tidak membakar atau merosakkan tumbuhan. Kita perlu tahu bahawa baja adalah berunsurkan garam terutama baja urea. Sifat garam adalah menyerap air. Contohnya, sekiranya kita makan makanan yang terlebih garam, kita akan terasa sangat haus. Ini kerana garam akan menyerap kandungan air yang terdapat di sekitarnya. Situasi yang sama berlaku pada tumbuhan. Apabila kita melakukan pembajaan tanaman, air akan tertarik kearah kawasan pembajaan. Air akan melarutkan baja dan menyebabkan baja tersebar ke kawasan yang lebih besar.

Yang menyebabkan tumbuhan rosak atau mati adalah disebabkan air berdekatan akar telah hilang disebabkan tarikan daripada baja dan menyebabkan akar kekeringan. Proses ini akan menyebabkan akar rosak teruk dan seterusnya akan menyebabkan tumbuhan mati.

Tips untuk pembajaan urea:

Jangan mengaplikasi baja urea dalam kuantiti yang banyak dalam satu masa. Aplikasikan dalam kuantiti yang sedikit tapi kerap. Pastikan sebelum mengaplikasikan baja urea, tumbuhan di siram dengan air sekiranya tanah di dapati kering. Jikalau perlu siram sekali lagi setelah membaja urea.

Jangan mengaplikasi baja urea pada musim kemarau kerana apabila tanah kekurangan air proses di atas akan berlaku dan akan menyebabkan tumbuhan layu atau mati.

FOSFAT (P)

Elemen fosfat diperlukan oleh tumbuhan untuk tumbesaran dan pembentukan akar, batang, bunga dan buah. Elemen ini juga merupakan elemen terpenting dalam tumbesaran tumbuhan. Dengan pembentukan akar yang sihat, tumbuhan dapat menyerap air dari tanah dengan kuantiti yang banyak. Air adalah satu elemen penting bagi tumbuhan untuk menjalankan proses fotosintesis untuk menjana makanan. Batang tumbuhan merupakan medium perantara untuk air yang di serap oleh akar untuk sampai ke daun bagi menjalankan proses fotosintesis. Tumbuhan yang mempunyai batang dan ranting yang sihat juga akan mempercepatkan pertumbuhan pengeluaran pucuk daun dan juga bunga.

Sekarang kita dapat memahami apakah fungsi fosfat yang merupakan salah satu elemen terpenting bagi tumbuhan.

Baja fosfat merupakan baja yang kurang menyerap air tidak sepertimana baja urea. Oleh itu ia selamat digunakan pada musim kekurangan air. Selalunya baja fosfat digunakan dalam campuran tanah di tapak semaian untuk menggalakkan pertumbuhan asas anak benih tumbuhan. Bersesuaian

dengan fungsinya sebagai penggalak akar dan batang, baja fosfat amat sesuai untuk percambahan anak benih tanaman.

Baja fosfat kalau di aplikasikan secara berlebihan tidak akan memudaratkan tumbuhan tapi perlu di ingat bahawa kita tidak perlu baja fosfat secara berlebihan kerana baja ini mempunyai kadar larut resap yang rendah dan pembajaan secara berlebihan akan menyebabkan pembaziran dan menambah kos perbelanjaan.

Tips untuk pembajaan fosfat:

Campurkan baja fosfat dengan tanah semaian sebelum menaman anak benih. Ini akan menggalakkan pertumbuhan akar dan batang. Anak benih akan cepat membesar dengan sihat.

Untuk tumbuhan yang hendak di pulihkan, mulakan dengan pembajaan fosfat untuk merangsang pertumbuhan akar dan batang. Siram air dengan mencukupi selama sekurang-kurangnya 2 minggu baru aplikasikan baja urea untuk nitrogen. Penting: Jangan gunakan baja urea dahulu untuk memulihkan tumbuhan. Tindakan ini boleh menyebabkan kerosakan teruk pada akar dan boleh membuatkan tumbuhan mati.

KALIUM (K)

Satu lagi elemen terpenting untuk tumbesaran tumbuhan adalah Kalium. Fungsi kalium dalam tumbuhan adalah untuk pertahanan tumbuhan dari perubahan cuaca, tiupan angin, perosak dan ketahanan am.

Elemen ini walaupun bukannya merupakan factor tumbesaran tumbuhan, ia amat penting dan jangan sekali-kali mengabaikan penggunaannya. Ini kerana tumbuhan memerlukan ketahanan yang tinggi terhadap perubahan cuaca yang ketara dan juga ancaman dari serangan perosak dan fungi. Tanpa ketahanan dari faktor tersebut tumbuhan tidak akan dapat menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi. Tanpa ketahanan, tumbuhan akan sentiasa akan berada dalam proses pemulihan dan ini akan membantutkan pengeluaran makanan.

Cuba bayangkan sekiranya dalam keadaan cuaca yang ketara, akar, batang dan daun akan mengalami stress. Tumbuhan akan sentiasa berusaha untuk memulihkan kerosakan yang di alami. Oleh itu penghasilan makanan akan di

salurkan untuk memperbaiki kerosakan. Begitu juga tanpa ketahanan dari serangga perosak dan fungi, tumbuhan akan fokus kepada pemulihan kerosakan tersebut.

Kalium juga di kaitkan dengan pembungaan tumbuhan kerana apabila tumbuhan mula mengeluarkan bunga, ia akan mengalami stress dan kalium amat membantu dalam mengurangkan stress tersebut.

Oleh itu kita patut menitikberatkan penggunaan elemen kalium untuk mengatasi masalah ketahanan tumbuhan.

Tips untuk pembajaan kalium:



Kalium merupakan elemen yang paling cepat hilang dalam tanah di sebabkan sifatnya yang amat mudah larut resap. Aplikasikan baja berasaskan kalium dengan sekerap mungkin terutama sebelum musim kering dan musim hujan. Pada musim kering tumbuhan memerlukan ketahanan dari cuaca melampau dan pada musim hujan tumbuhan memerlukan ketahanan dari serangan serangga perosak dan fungi.

ELEMEN-ELEMEN LAIN

Elemen-elemen lain selain dari nitrogen, fosfat dan kalium walaupun hanya di perlukan dalam kuantiti yang sedikit tetapi ia juga memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam tumbesaran tumbuhan. Tumbuhan yang di bekalkan dengan elemen-elemen ini akan menunjukkan pertumbuhan yang lebih sihat dan akan mengeluarkan hasil serta kualiti yang lebih tinggi.

Elemen-elemen ini boleh di anggap sebagai vitamin tambahan kepada tumbuhan dan akan menambah lagi daya tahan tumbuhan. Walaupun elemen-elemen ini sukar di dapati di pasaran, sekiranya anda menjumpai pengedar yang mempunyai elemen-elemen ini, jangan sayangkan duit anda untuk membelinya kerana anda akan mendapati tumbuhan anda akan lebih sihat dan mengeluarkan hasil yang lebih lumayan dengan kualiti yang lebih tinggi.

DIAGRAM TUMBESARAN DAN PEMAKANAN TUMBUHAN



Elemen Nutrien Makro	Nitrogen (N), Fosfat (P), Kalium (K), Magnesium (Mg), Kalsium (Ca), Sulfur (S)
Elemen Nutrien Mikro	Karbon (C), Hidrogen (H), Oksigen (O), Ferum (Fe), Zink (Zn), Molybdenum (Mo), Natrium (Na), Manganese (Mn), Boron (B), Kuprum (Cu), Kobalt (Co), Klorin (Cl)

JENIS-JENIS BAJA

Baja yang terdapat di pasaran pada masa kini terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu Baja Kimia (Baja Sebatian) dan Baja Organik. Baja Organik pula terbahagi kepada dua jenis iaitu Baja Organik Humus dan Baja Organik Humus Kompleks.

Kita akan mengupas tentang kedua kategori baja di atas untuk lebih mengenali lebih lanjut tentang penggunaan dan kelebihanannya.

Baja Kimia

Kebanyakan baja kimia yang terdapat di pasaran berasaskan tiga (3) elemen penting yang di perlukan oleh tumbuhan iaitu Nitrogen (N), Fosfat (P) dan Kalium (K). Dan ada juga baja yang di tambah dengan elemen tambahan seperti Magnesium (Mg) dan lain-lain. Selalunya kita akan dapati baja kimia yang di jual di kedai baja tertera seperti N15: P15: K15, N20: P20: K20, N15: P15: K15 + MgO dan sebagainya.

Untuk pemahaman angka tersebut, sebagai contoh N15:P15:K15, bermaksud dalam baja tersebut sepatutnya terdapat berat elemen Nitrogen (N) sebanyak 15 %, Fosfat (P) sebanyak 15% dan Kalium (K) sebanyak 15 %.

Untuk baja sebatian pula, sekiranya spesifikasi yang tertera adalah N:15 P₂O₅ : 15, K₂O :15, bermaksud terdapat berat elemen Nitrogen (N) sebanyak 15 %, Fosfat (P) sebanyak $0.43 \times 15\% = 6.45\%$ dan Kalium (K) sebanyak $0.83 \times 15\% = 12.45\%$.

Ini adalah kerana dalam baja sebatian, elemen Fosfat (P) dalam P₂O₅ hanya merangkumi 43% dan selebihnya adalah campuran lain iaitu filler dan elemen Kalium (K) dalam K₂O hanya merangkumi 83% dan selebihnya adalah filler.

Filler sebenarnya adalah amat penting kerana ia meratakan campuran di dalam baja agar tidak membakar tumbuhan disebabkan terlebih baja yang tidak sekata.

Baja kimia juga terbahagi kepada baja kimia biasa dan juga “Slow Release Fertilizer”

Baja kimia biasa adalah lebih murah jika di bandingkan dengan “Slow Release Fertilizer”.

Kelebihan “Slow Release Fertilizer”

“Slow Release Fertilizer” adalah baja kimia yang di saluti resin iaitu apabila terkena air salutan resin tersebut akan kembang dan nutrient di dalamnya akan di lepaskan sedikit demi sedikit secara berterusan. Tidak seperti baja biasa, apabila terkena air, nutrient nya akan dilepaskan secara keseluruhan. Ini akan menyebabkan tumbuhan boleh terbakar jika di baja secara berlebihan.

Apabila nutrient di dalam “Slow Release Fertilizer” dilepaskan secara berterusan, tumbuhan akan dapat menyerap nutrien dalam kuantiti yang sedikit secara berterusan dan akan membekalkan nutrien yang cukup untuk tumbuh secara berterusan. Itulah sebenarnya kelebihan baja “Slow Release Fertilizer”. Baja ini juga tidak perlu di gunakan sekerap baja biasa kerana sifat simpanan nutriennya yang lama.

Bagi yang berkemampuan, di sarankan menggunakan baja jenis ini kerana pembajaan baja ini amat kurang memudaratkan tumbuhan sepertimana baja kimia biasa.

Sekarang kita telah faham tentang interpretasi berkenaan campuran baja kimia. Oleh itu kita sudah boleh praktikkan kuantiti pembajaan yang betul untuk tanaman yang kita usahakan.

Tips Penggunaan Baja Kimia.

Jangan menggunakan baja kimia biasa dengan kuantiti yang banyak sekaligus. Amalkan pembajaan secara kuantiti yang sedikit tetapi dengan kekerapan yang munasabah.

Pembajaan baja kimia harus di lakukan setelah tanah di siram atau selepas hujan. Ini bagi mengelakkan air di serap oleh baja dan menyebabkan akar tumbuhan kekurangan baja dan menyebabkan tumbuhan terbakar.

BAJA ORGANIK

Organik bermaksud nutrien yang di perolehi dari hasil pereputan bahan-bahan hidup yang telah mati dan penghasilan dari hidupan.

Contoh bahan organik adalah najis haiwan, pereputan tumbuhan dan haiwan, buangan makanan, darah dan sebagainya.

Kebanyakan baja organik yang biasa di jual di proses dari:

Najis haiwan seperti najis ayam, lembu, kambing, burung unta, kelawar dan lain-lain

Pereputan tumbuhan dan haiwan seperti tandan kelapa sawit, sayuran, soya, ikan, udang dan lain-lain.

Baja organik merupakan salah satu sumber nutrien untuk tumbuhan. Sebenarnya baja organik mempunyai nutrien yang lebih rendah dari baja kimia. Di sebabkan nutrien yang rendah, kadar membakarnya juga rendah dan kurang memudahkan tumbuhan terutama tumbuhan jenis lembut seperti sayuran berdaun dan tumbuhan renek akar serabut. Oleh itu baja organik banyak di gunakan oleh penanam sayur berdaun dan juga pengusaha tanaman lanskap.

Walaupun mempunyai nutrien yang rendah, baja organik mempunyai kelebihan berbanding baja kimia. Baja organik mempunyai sifat menyuburkan tanah kerana di dalam proses pereputan baja organik, mikroorganisma dan bakteria akan menguraikan baja dan dengan secara tidak langsung menggembur dan memulihkan tanah mati. Proses ini tidak dapat di perolehi dengan mengaplikasi baja kimia.

Baja organik juga mempunyai nutrien mikro yang di perlukan oleh tumbuhan yang tidak dapat di perolehi dari baja kimia.

Satu jenis baja organik yang agak baru terdapat di pasaran adalah zeolite. Ia juga di kenali sebagai lahar/lava gunung berapi. Ia merupakan baja humus kompleks.

Zeolite Atau Lahar/Lava Gunung Berapi

Ada beberapa kelebihan yang boleh di perolehi di dalam lahar gunung berapi yang tidak kedapatan di dalam baja kimia dan baja organik.

Selain mempunyai unsur nutrien makro dan mikro, terdapat beberapa kelebihan dialam zeolite iaitu Cation Exchange Capacity (CEC), menutralkan pH tanah dan honeycomb structure.

Cation Exchange Capacity (CEC)

Cation Exchange Capacity (CEC) atau Kapasiti Pertukaran Kation di dalam zeolite amat penting untuk kesuburan tumbuhan. Fungsinya ialah apabila baja di pecahkan atau di uraikan kedalam bentuk elemen atau ion-ion, ia akan di ikat di dalam tanah untuk mengelakkan dari elemen-elemen ini bebas dan melambatkan penyerapan oleh akar. Oleh itu penyerapan elemen nutrien oleh tumbuhan dapat di lakukan secara efisien dan pantas. Tindakan ini akan menyebabkan pokok menjadi lebih subur.

Honeycomb Structure

Di dalam zeolite terdapat struktur atom yang berbentuk honeycomb atau span yang mempunyai rongga-rongga di dalamnya. Rongga-rongga ini berfungsi menyerap air tanah dan juga sebagai tempat penyimpanan nutrien. Dengan fungsi ini, tanah berkeupayaan menyimpan air dan nutrien dengan lebih lama untuk kegunaan tumbuhan.

Menutralkan pH Tanah

Di sebabkan kandungan mineralnya yang tinggi keasidan tanah dapat di nutralkan dan tanah menjadi neutral. Apabila tanah menjadi neutral, akar tumbuhan akan menjadi semakin sihat dan aktif. Ini akan membantu penyerapan nutrien dari tanah dan seterusnya meningkatkan proses tumbesaran tumbuhan secara efisien.

Perbandingan Kebaikan dan Keburukan Baja Kimia biasa, Slow Release Fertilizer, Baja Organik.

Jenis Baja	Kebaikan	Keburukan
Baja Kimia Biasa	Tindakbalas cepat Murah	Kesan membakar kepada tumbuhan Keras di dalam beg bila basah Larutresap(kehilangan) nitrogen tinggi
Slow Release Fertilizer	Kuantiti pembajaan sedikit Kesan membakar rendah	Mahal Susah di dapati
Baja Organik	Kesan membakar rendah Tindakbalas lambat Mengandungi nutrien mikro Menyuburkan tanah	Mahal berbanding kandungan nutrien Susah untuk di kendali Berbau
Zeolite	Kesan membakar rendah Tindakbalas cepat Mengandungi nutrien mikro Menyuburkan tanah Mengandungi mineral tinggi Menyimpan air dan nutrien lebih lama	Mahal Susah di dapati

CARA-CARA PEMBAJAAN

Ada beberapa langkah penting dalam cara-cara pembajaan yang dapat memaksimumkan hasil pertanian. Di antaranya adalah:

1. Sebelum pembajaan rumput hendaklah di buang atau di racun
2. Pemangkasan hendaklah dilakukan sebelum pembajaan
3. Baja di tabur selepas hujan atau selepas tanaman di siram
4. Kuantiti baja mengikut sukatan bagi setiap jenis tanaman
5. Pembajaan mengikut jadual pembajaan yang di sarankan
6. Baja di tabur di hujung julai daun
7. Baja yang di tabur di tutup dengan tanah

Sila lihat huraian berkenaan perkara di atas di mukasurat seterusnya.

1.	<p><i>Sebelum pembajaan, rumput hendaklah di buang atau di racun.</i></p> <p>Rumput yang terdapat di sekitar hendaklah di buang dengan mencabut, mencangkul atau meracun. Ini hendaklah di lakukan agar kita dapat memastikan baja yang di tabur tidak di kongsi oleh tumbuhan lain seperti rumput. Dengan mendapat nutrien yang di bekalkan sepenuhnya, tumbuhan kita akan subur dan memberi hasil yang tinggi.</p>
2.	<p><i>Pemangkasan hendaklah dilakukan sebelum pembajaan.</i></p> <p>Pemangkasan dahan dan daun matang amat penting sebelum pembajaan. Pemangkasan seeloknya dilakukan dua(2) minggu sebelum pembajaan. Apabila pemangkasan dilakukan, tumbuhan akan mengeluarkan akar baru yang lebih aktif untuk menyerap nutrien. Pucuk dan daun baru juga akan terhasil. Proses ini akan menyebabkan tumbuhan lebih agresif untuk menjana tumbesaran dan makanan.</p>
3.	<p><i>Baja di tabur selepas hujan atau selepas tanaman di siram.</i></p> <p>Sepertimana yang di bincangkan sebelum ini, komposisi baja mengandungi garam terutama baja urea. Garam akan menyerap air di sekitarnya. Penyiraman atau kandungan air dalam tanah yang tinggi akan mengurangkan kekeringan air di sekitar akar tumbuhan. Ini akan mengelakkan akan tumbuhan menjadi kering dan seterusnya mengelakkan tumbuhan rosak atau mati.</p>
4.	<p><i>Kuantiti baja mengikut sukatan bagi setiap jenis tanaman.</i></p> <p>Dengan mengaplikasikan sukatan baja mengikut jenis tanaman akan menghalang dari tumbuhan rosak atau mati di sebabkan baja yang berlebihan. Kesan yang akan di hadapi akibat baja berlebihan adalah sama dengan perkara 1.</p>
5.	<p><i>Pembajaan mengikut jadual pembajaan yang di sarankan.</i></p> <p>Pembajaan mengikut jadual pembajaan yang betul menolong tumbuhan memperolehi nutrien yang berterusan yang akan membantu tumbesaran tumbuhan secara berterusan dan menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi.</p>
6.	<p><i>Baja di tabur di hujung julai daun.</i></p> <p>Baja di tabur di hujung julai daun kerana rerambut akar yang paling aktif mencari nutrien terletak di hujung julai daun. Makin rendah sesuatu tumbuhan, semakin jauh akar rerambut yang aktif. Dengan menabur baja di kawasan akar yang paling aktif menyebabkan</p>

	pengambilan nutrien yang banyak oleh tumbuhan seterusnya merangsang tumbesaran tumbuhan untuk menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi.
7.	<i>Baja yang di tabur di tutup dengan tanah.</i> Selepas menabur baja, di sarankan menutup baja dengan tanah di sekitar tumbuhan. Proses ini akan menyebabkan nutrien baja terus di serap kedalam tanah. Dalam situasi baja kimia, ia dapat mengurangkan kehilangan nutrien baja ke udara dalam bentuk gas dan penghakisan oleh pengaliran air hujan. Dalam konteks baja organik, ia akan mempercepatkan penguraian nutrien dan juga menghalang serangga perosak dan hama yang gemar bersarang dan membiak di dalam baja organik.

TIPS-TIPS PEMBAJAAN

Untuk mendapat hasil yang memuaskan dalam mengusahakan tanaman, perkara-perkara yang telah di bincangkan hendaklah di praktikkan.

Kombinasi baja kimia dan baja organik amat perlu di praktikkan berdasarkan kelebihan-kelebihan yang terdapat di dalam kedua-dua jenis baja yang menyokong antara satu sama lain.

Baja kimia membekalkan nutrien makro yang cukup tinggi untuk tumbuhan manakala baja organik pula mempunyai nutrien mikro yang tidak terdapat dalam baja kimia. Malahan baja organik mempunyai keupayaan memulihkan tanah yang di rosakkan oleh racun dan baja kimia sendiri. Baja organik yang agak baik di gunakan adalah baja zeolite sekiranya senang didapati di kawasan anda kerana di samping menyuburkan tanah ia dapat membantu menutralkan pH tanah yang begitu penting dalam tumbesaran tumbuhan atau lawati www.organikpro.com untuk keterangan lanjut mengenai zeolite.

PENUTUP

Setelah memahami fungsi-fungsi elemen baja di harapkan anda dapat mengusahakan tanaman pertanian yang berdaya maju dan menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi.

Perlu di ingat, penjagaan tanaman mempunyai konsep yang sama dengan kehidupan seharian dimana kita perlu makanan seimbang, persekitaran yang selesa dan tenang untuk kekal sihat. Tumbuhan juga memerlukan konsep yang sama dengan kehidupan kita. Sekiranya kita dapat mengadaptasi konsep tersebut kita akan dapati tumbuhan dapat memberi pulangan yang lumayan untuk kita. Akhir sekali “Jadikan Pertanian Satu Perniagaan”.

Disclaimer: Panduan ini di ketengahkan untuk memberi panduan dan penerangan berkaitan baja dan kaitannya. Segala percanggahan dalam fakta-fakta yang di kemukakan tidak akan dipertanggungjawabkan kepada pihak kami.

Hakcipta terpelihara: Tidak di benarkan menyalin, mengedar seluruh atau mana-mana bahagian dari panduan ini tanpa kebenaran pihak kami.